

22 JUL 2000

Mahathir-Letupan

LETUPAN DI KLANG TIDAK JEJASKAN KESELAMATAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata letupan sebutir bom di Dataran Seni, Klang pada Khamis malam tidak menjejaskan keselamatan negara.

Katanya keadaan keselamatan adalah baik dan beliau yakin kejadian seumpama itu tidak akan merebak ke tempat-tempat lain.

"Tapi inilah jenis manusia yang kita dapat. Mereka tak peduli nyawa orang, letup di tempat awam, dan orang jadi mangsa. Orang itu tak buat apa-apa kepada mereka...ini amat zalim sekali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Puspanita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas insiden yang menyebabkan seorang pekerja kedai buah-buahan, Masrina Samagon, 42, cedera di bahagian kaki kiri selepas sebutir bom meletup dekat sebuah bangku taman di dataran itu kira-kira pukul 9.50 malam.

Ditanya sama ada letupan bom itu ada kaitan dengan parti pembangkang, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu...kenapa harus orang meletupkan bom dan mereka ini begitu anti-sosial," katanya.

Dr Mahathir berkata orang seperti ini mencerca dan menuduh kerajaan zalim tetapi kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap mereka melainkan mengikut proses undang-undang.

"Kalau ada undang-undang terkena kepada perbuatan mereka, maka undang-undang itu mesti digunakan. Kita tak pergi bunuh orang yang tak buat apa-apa kesalahan...tapi orang ini cukup suka sangat cakap pasal kezaliman tetapi mereka yang amat zalim," katanya.

Beliau berkata golongan ini sanggup membunuh dan menyeksa orang dan ini dapat dilihat daripada tindakan kumpulan Al-Ma'unah yang merompak senjata di kem tentera di Gerik sebelum membunuh dua anggota keselamatan yang menjadi tebusan mereka di Bukit Jenalek, Sauk.

Dr Mahathir berkata Sjn Mohamed Shah Ahmad yang turut menjadi tebusan kumpulan itu diseksa dan ditanya berulang kali berapakah ulama yang telah dibunuhnya.

Golongan yang tidak berpuas hati dengan kerajaan sepatutnya menunggu berlangsungnya pilihan raya dan mereka boleh mengundi parti lawan dan bukannya melakukan letupan bom, katanya.

Mengenai permintaan presiden PAS Datuk Fadzil Noor supaya kerajaan mengumumkan nama anggota kumpulan Al-Ma'unah yang dikatakan menjadi anggota PAS, Dr Mahathir berkata polis akan mendedahkannya apabila siasatan selesai.

"Polis akan mendedahkan nama-nama mereka. Polis ada nama-nama itu. Mereka perlu menyiasat, kena dapat maklumat cukup...baru boleh bagi penjelasan," katanya.

Katanya kenyataan pengerusi DAP Lim Kit Siang bahawa banyak lagi persoalan yang belum terjawab mengenai kejadian di Sauk itu akan juga terjawab sebaik sahaja polis menyelesaikan penyiasatan mereka.

-- BERNAMA

AR RON